

Amaran hujan lebat di Pantai Timur

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Jabatan Meteorologi hari ini mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga di Kelantan, Terengganu serta Pahang dan keadaan itu dijangka berterusan sehingga Khamis ini yang boleh mengakibatkan banjir.

Menurut kenyataan jabatan berkenaan, hujan berterusan kadangkala lebat itu dijangka berlaku di Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah dan Kuala Krai (Kelantan)

Ia juga dijangka berlaku Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman (Terengganu), serta Kuantan (Pahang).

Amaran peringkat jingga juga bermaksud hujan lebat yang turun boleh mengakibatkan banjir di kawasan rendah dan berdekatan tebing sungai.

Amaran hujan lebat peringkat kuning turut dikeluarkan di beberapa daerah di Perlis dan Kedah yang dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Kawasan yang terlibat adalah di Perlis (Padang Besar, Kangar dan Arau) dan Kedah (Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Setar, Pokok Sena, Pendang dan Langkawi).

Angin kencang dan laut bergelora bagi kategori kedua turut dijangka melanda perairan Sabah seperti Condore, Reef North dan Layang-layang

Ia mencatatkan kelajuan angin kencang Timur Laut 50 hingga 60 kilometer sejam berserta ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Maklumat lanjut mengenai keadaan cuaca boleh diperolehi dengan melayari laman web www.met.gov.my.